

# Kekaumas disaran teliti kembali perlembagaan kesatuan

UB 21.2.2018 B6

KOTA KINABALU: Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) dicadangkan meneliti kembali perlembagaan kesatuan itu agar dapat menjana kewangan untuk digunakan bagi menjaga kebajikan ahlinya.

Pendaftar UMS No'man Hj Ahmad menyatakan demikian kepada 200 kakitangan sokongan 1 dan 2 sempena Program Sembang Santai bersama kakitangan kumpulan pelaksana anjuran Kekaumas pada Selasa.

"Kekaumas boleh berbincang dengan Jabatan Bendahari untuk mewujudkan akaun penjanaaan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan kesatuan.

"Dengan adanya penjanaaan kewangan daripada kesatuan, wang itu boleh digunakan untuk menjaga kebajikan ahli dan tidak hanya bergantung kepada bantuan kewangan



**NO'MAN ketika dalam Program Sembang Santai bersama kakitangan kumpulan pelaksana UMS.**

universiti semata-mata," katanya.

Selain itu, beliau turut mengingatkan agar mana-mana kesatuan di dalam UMS supaya sentiasa menjalankan

peranan dalam membawa cadangan dan idea berkenaan kakitangan kepada pihak pengurusan untuk membantu dalam menggubal dasar universiti.

Beliau turut memuji komitmen yang ditunjukkan oleh kekaumas dalam menyediakan kertas cadangan dan membawauarakumpulan pelaksana dalam rundingan bersama pihak pentadbiran melalui Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ).

"Saya percaya dengan kekuatan ahli yang ramai, kesatuan ini dapat dikekalkan dan sekali gus menjaga kebajikan golongan pelaksana," katanya.

Pada program itu, No'man turut menyampaikan sumbangan Kekaumas kepada lima ahli yang ditimpa bencana alam dan ahli keluarga yang meninggal dunia.

Turut diadakan, penyampaian Anugerah Jasamu Dikenang kepada mantan presiden Kekaumas, Amat Jutrah Hj Musnih.

Hadir sama pada majlis itu ialah Presiden Kekaumas Jalil Sapli.